



| LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK (Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendaftarkan akaun B Infinite Pay anda. Pastikan anda juga telah membaca Terma dan Syarat B Infinite Pay ini.) | B Loyalty Sdn Bhd Akaun Kad Prabayar B Infinite Tarikh: 13 Ogos 2020 | | | | |
|--|---|-----------|------------|--|--------|
| 1. Apakah B Infinite Pay? B Infinite Pay (selepas ini dirujuk sebagai 'Akaun') adalah instrumen pembayaran e-wang yang membolehkan Pemegang Akaun (di sini dirujuk sebagai 'Pegguna') untuk menambah wang ke dalam e-dompet yang berada dalam aplikasi mudah alih B Infinite (selepas ini dirujuk sebagai 'App'). Pengguna boleh menggunakan App untuk melakukan pembelian dengan wang yang tersedia di Akaun melalui pembayaran Kod QR atau pembayaran dalam App serta melakukan pemindahan wang. Wang tersebut akan ditolak dari e-dompet Pengguna apabila dana digunakan. | | | | | |
| 2. Apakah cas yang perlu dibayar? <table border="1" data-bbox="272 903 1331 1050"><thead><tr><th>Jenis caj</th><th>Amaun (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td>Caj pemindahan (dikenakan kepada transaksi pemindahan wang kepada akaun bank sendiri sahaja)</td><td>RM1.50</td></tr></tbody></table> | | Jenis caj | Amaun (RM) | Caj pemindahan (dikenakan kepada transaksi pemindahan wang kepada akaun bank sendiri sahaja) | RM1.50 |
| Jenis caj | Amaun (RM) | | | | |
| Caj pemindahan (dikenakan kepada transaksi pemindahan wang kepada akaun bank sendiri sahaja) | RM1.50 | | | | |
| 3. Apakah terma dan syarat utama? <ul style="list-style-type: none">Jumlah maksimum yang dibenarkan untuk Akaun adalah RM200 (di sini dikenali sebagai 'had dompet'). Pengguna tidak dibenarkan untuk menambah nilai e-dompet melebihi had dompet yang telah ditetapkan.Had minimum yang ditetapkan bagi setiap transaksi tambah nilai ialah RM10.Jumlah maksimum yang boleh digunakan oleh Pengguna adalah seperti baki yang ada dalam Akaun. Jika Pengguna mempunyai baki RM1 didalam Akaun, Pengguna hanya boleh menggunakan RM1 sahaja.Jumlah kumulatif tambah nilai yang dibenarkan ialah RM1,000 sehari, RM5,000 sebulan dan RM60,000 setahun. Tambah nilai Pengguna akan ditolak jika had kumulatif melebihi nilai yang dibenarkan. | | | | | |
| 4. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan? <ul style="list-style-type: none">Pegguna bertanggungjawab untuk semua transaksi yang dilakukan melalui Akaun yang dibenarkan dengan menggunakan PIN B Infinite atau kaedah pengesahan lain yang boleh diterima. | | | | | |



- Pengguna mempunyai pilihan untuk log keluar App jika peranti mudah alih Pengguna hilang atau dicuri dengan log masuk ke App melalui mana-mana peranti mudah alih yang lain. Pengguna juga disarankan menukar 6 angka PIN di bahagian Profil Pengguna melalui laman web B Infinite di www.binfinite.com.my atau App B Infinite jika Pengguna mengesyaki penyalahgunaan akaun oleh pihak yang tidak dibenarkan.
- Pengguna akan bertanggungjawab untuk transaksi berasaskan PIN jika didapati:
 - Melakukan penipuan
 - Tidak mengambil tindakan segera seperti log keluar dari App atau menukar PIN apabila Pengguna menyedari bahawa peranti mudah alih yang menyimpan Akaun hilang atau digunakan individu lain tanpa izin.
 - Mendedahkan PIN, TAC, Kod Laluan atau apa-apa kaedah pengesahan lain dalam peranti mudah alih kepada mana-mana individu secara sukarela.
 - Mengompromi rahsia PIN Pengguna sebagai contoh, dengan menyimpan maklumat PIN dalam telefon yang sama menyimpan Akaun atau apa sahaja yang disimpan berdekatan atau bersama dengan Akaun yang boleh hilang atau dicuri.
 - Tidak memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang transaksi yang tidak dilakukan dalam masa 14 hari dari tarikh urusaniaga dengan kadar segera.
 - Pengguna dengan cuai meninggalkan atau meletakkan peranti mudah alih yang menyimpan maklumat Akaun tanpa pengawasan atau di tempat yang dapat dilihat atau diakses oleh individu lain.
 - Pengguna membenarkan individu lain menggunakan Akaun secara sukarela.
- Pengguna bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Akaun tidak digunakan sebagai sebarang instrumen pembayaran untuk sebarang transaksi haram atau menyalahi undang-undang termasuk tiada terhad kepada pengubahan wang haram dan pembiayaan untuk aktiviti keganasan.

5. Apakah risiko utama?

Risiko utama adalah kemungkinan bahawa dana tambah nilai di dalam Akaun Pengguna boleh digunakan oleh individu yang tidak dibenarkan sekiranya berlaku kehilangan / kecurian peranti mudah alih yang mempunyai maklumat Akaun. Oleh itu adalah penting bahawa Pengguna menyekat akses ke Akaun sebaik sahaja Pengguna mengesyaki bahawa PIN / OTP telah disalahguna atau jika Pengguna kehilangan / kecurian peranti mudah alih. Pengguna perlu log masuk ke App melalui mana-mana peranti mudah alih lain dan / atau menukar 6 angka PIN di bahagian Profil Pelanggan.

6. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat sebarang perubahan maklumat atau butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi Pengguna untuk memastikan bahawa segala butiran dan maklumat peribadi untuk surat-menyurat dikemas kini agar Pengguna dapat dihubungi tepat pada masanya. Pengguna boleh mengemas kini maklumat peribadi di halaman Profil Pengguna di laman web B Infinite www.binfinite.com.my atau melalui App B Infinite.

7. Apakah produk produk B Infinite Pay yang lain?

Inilah satu satunya produk B Infinite Pay.



8. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sebarang maklumat lanjut mengenai B Infinite Pay, sila rujuk website kami atau untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

| | |
|------------------------------|--|
| Website | www.binfinite.com.my |
| Pusat Panggilan | +603 2141 8080 |
| e-mel | enquiry@binfinite.com.my |
| Alamat Surat-menyurat | B Loyalty Sdn Bhd Level 16 Plaza Berjaya No. 12 Jalan Imbi 55100 Kuala Lumpur |

9. Apakah patut saya lakukan jika tidak puas dan ingin membuat sebarang aduan

Anda dipersilakan terdahulunya menghubungi kami untuk membuat sebarang aduan mengenai penggunaan produk ia itu B Infinite Pay. Sila hubungi kami seperti berikut:

| | |
|------------------------|--------------------------|
| Pusat Panggilan | +603 2141 8080 |
| e-mel | enquiry@binfinite.com.my |

Sila ambil maklum tentang perkhidmatan Bank negara Malaysia BNMLINK dan TELELINK untuk menangani aduan aduan serta kelakuan dan aktiviti aktiviti badan badan terkawal termasuk pengendali instrumen pembayaran e-wang seperti B Infinite Pay. B Loyalty komited terhadap memberi kerjasama sepenuhnya kepada perkhidmatan BNMLINK dan TELELINK dan menggalakkan Pengguna mengambil kesempatan menggunakannya dengan sepenuhnya. Berikut adalah butir butir perkhidmatan tersebut:

| Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK | |
|--|--|
| Telefon | 1 300 885 465 |
| e-mel | bnmtelelink@bnm.gov.my |
| Pusat Khidmat Pengguna BNMLINK | Ground Floor, D Block Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |

Tambah lagi, sila maklum bahawa B Loyalty Sdn Bhd adalah ahli Skim Ombudsman Perkhidmatan Kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Pengendali yang diluluskan adalah Skim Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS), saluran alternatif bebas yang mengendalikan resolusi pertikaian untuk pelanggan warganegara Malaysia yang layak. Perkhidmatan OFS di sediakan secara percuma kepada pengadu yang layak yang tidak berpuas hati dengan resolusi yang di beri oleh Syarikat.

Untuk makluman lanjut mengenai masa yang di beri untuk memfailkan sebarang pertikaian dan ganjaran yang di tawarkan, sila layari ofs.org.my



10. Berapa lamakah masa yang di beri untuk memfail sebarang aduan?

Dalam masa sebulan dari tarikh transaksi atau tarikh anda menyedari kegunaan palsu dompet elektronik B Infinite Pay, yang mana yang terlebih dahulu.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini sah dari 13 Ogos 2020 sehingga semakan seterusnya.